

18 FEB 2003

NAM-Perdagangan/I

M'SIA NIKMATI PERDAGANGAN MEMUASKAN DENGAN NEGARA NAM - RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Malaysia telah menikmati perdagangan yang memuaskan dengan negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) sejak 10 tahun lepas, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

"Pertumbuhan dalam perdagangan antara Malaysia dan negara anggota NAM sejak sedekad yang lepas adalah menggalakkan," katanya pada majlis perasmian Showcase Malaysia 2003 dan Pameran Pelancongan Malaysia 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini sempena Sidang Kemuncak NAM ke-13 dari 20 hingga 25 Feb.

Ekspo dan pameran perdagangan itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan berlangsung sehingga 26 Feb.

Rafidah berkata perdagangan Malaysia dengan negara-negara NAM meningkat hingga RM194.7 bilion tahun lepas dari RM61 bilion pada 1992.

Eksport pada 2002 bernilai RM115.4 bilion sementara import adalah sebanyak RM79.3 bilion, katanya.

"Adalah diharapkan bahawa Showcase Malaysia dan Pameran Pelancongan Malaysia akan menjadi tapak meningkatkan lagi hubungan perniagaan dan pelancongan di kalangan negara-negara anggota NAM," katanya.

Rafidah berkata Showcase Malaysia juga akan menjadi tumpuan utama semasa Sidang Kemuncak NAM bagi wakil-wakil perniagaan antarabangsa dan tempatan untuk menjalin hubungan perniagaan.

Beliau berkata lebih 500 syarikat mengambil bahagian dalam ekspo itu yang mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di ruang pameran seluas 14,000 meter persegi. Ia dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Mengenai pameran pelancongan, beliau berkata penyertaan 59 pertubuhan akan menyediakan anggota delegasi, maklumat dan mengenai destinasi pelancongan di Malaysia.

Pameran itu memberikan anggota delegasi peluang untuk menyaksikan pelbagai warisan Malaysia seperti demonstrasi kraftangan dan pelbagai rentak tarian.

-- BERNAMA

MAD MAM RON